

Jimat RM1 juta kos penerbangan PM ke luar negara

PUTRAJAYA - Kerajaan berjimat hampir RM1 juta membatikan kos penerbangan bagi lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke lima negara, baru-baru ini.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, kerajaan hanya menanggung kos kira-kira RM1.66 juta untuk membiayai perjalanan Anwar serta delegasi rasmi kerajaan berbanding RM2.5 juta jika menggunakan pesawat rasmi sedia ada.

“Untuk makluman semua, jumlah kos penerbangan sewaan khas pesawat Malaysia Airlines jenis Airbus A350 adalah sebanyak RM6.16 juta.

“Kos yang telah dibiayai oleh kerajaan Malaysia untuk delegasi rasmi berjumlah RM1.66 juta bersamaan dengan 27 peratus daripada kos keseluruhan.

“Delegasi perniagaan pula membayar 73 peratus daripada jumlah tersebut iaitu RM4.5 juta,” katanya menerusi sidang akhbar di sini semalam.

Sebelum ini, Anwar melakukan lawatan kerja ke China dari 4 hingga 7 November lalu atas jemputan daripada rakan sejawatnya Li Qiang untuk menghadiri Ekspo Import Antarabangsa China ketujuh (CIIE ke-7) di Shanghai.

Selepas itu, Perdana Menteri mengadakan lawatan ke Mesir, Arab Saudi, Peru dan Brazil bermula 9 November sehingga

“Pihak kerajaan mendapati ada penjimatan (guna sewaan khas pesawat) jika dibandingkan dengan pesawat sedia ada yang jumlah kosnya akan mencecah RM2.5 juta.”

Rabu lalu.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan itu juga berkata, perjalanan lawatan rasmi Perdana Menteri tidak dibiayai oleh mana-mana syarikat dan ditanggung sepenuhnya kerajaan.

“Pihak kerajaan mendapati ada penjimatan (guna sewaan khas pesawat) jika dibandingkan dengan pesawat sedia ada yang jumlah kosnya akan mencecah RM2.5 juta.

“(Ini) bermaksud ada penjimatan lebih RM900,000, tetapi pihak kerajaan tetap mengeluarkan kos iaitu sebanyak RM1.66 juta itu.

“Bagi semua urusan sama ada penginapan, makanan atau pengangkutan di pihak kerajaan semua diuruskan oleh kerajaan (sendiri) atau pun penganjur bagi acara seperti APEC dan G20,” ujarnya.